

**JATI DIRI NASIONAL MENERUSI BEBERAPA UNSUR ILMU ASLI DALAM  
BAHASA MELAYU**

**Prof. Emeritus Dr. Shaharir Mohamad Zain**

**Felo Penyelidik**

**Pusat Dialog Peradaban UM**

[riramzain@yahoo.com](mailto:riramzain@yahoo.com)

**(Malaysia)**

**Abstrak**

Ilmu kepemimpinan dan pembangunan terlestarian di prasasti Talang Tuwo 684 M dan di Campa 1088 M bukan sahaja mendahului zaman sehingga masih relevan kini tetapi juga memberi jati diri bangsa dan budaya yang masih ada yang relevan untuk diwarisi sebagai milik jati diri sepunya bagi bangsa negara-negara yang berbeza di ASEAN ini khususnya Brunei, Indonesia dan Malaysia atau secara lebih amnya boleh diistilahkan sebagai bangsa Malayonesia ini. Begitu juga dengan prasasti Sriwijaya yang memberi ilmu bilangan dan angka yang sudah lengkap menghayati sistem perpuluhan sepenuhnya pada abad ke-7 M bukan sahaja yang tertua di dunia tetapi yang perlu dimanfaatkan sebagai warisan bersama negara bangsa Malayonesia ini. Keadaan yang sama berlaku dalam ilmu angka pecahan oleh 'Abd al-Ra'uf Singkel abad ke-17 M, kosmologi oleh Nur al-Dyn al-Ranyry abad ke-17 M, dan perubatan dalam beberapa buah manuskrip sejak abad ke-16 M dan rakaman Bontius abad ke-17 M yang semuanya mendahului ilmu Inggeris atau Belanda.

## **Pengenalan**

Jati diri bangsa biasanya dikaitkan dengan bahasa dan agama atau manifestasinya dalam bentuk kesenian tampak seperti tarian, pertunjukan pentas/panggung, makanan-minuman, pakaian dan sebagainya. Satu lagi jati diri bangsa yang kurang ditonjolkan, terutamanya bagi bangsa di Asia Tenggara ini yang di dalam makalah ini diistilahkan sebagai bangsa Malayonesia, ialah ilmunya terutama ilmu yang kini dikenali sebagai sains dan matematik; sedangkan ilmu memang cerminan utama bagi sesebuah bangsa. Jika Barat dikenali jati dirinya dengan pelbagai teori daripada sainsnya seperti astronomi dan kosmologinya yang diasaskan pada teori Newton dan Einstein, ekonominya dengan teori liberalisme-kapitalismenya, politik dengan Machiavellian-nya dan liberal-demokrasinya, apakah jati diri Malayonesia menerusi ilmunya? Inilah yang dibicarakan di sini dengan memilih beberapa jurusan/bidang ilmu yang dianggap mampu menjawab persoalan itu, dan masih relevan hingga kini.

## **Kepemimpinan Malayonesia**

Satu daripada jati diri penting bangsa berbahasa Melayu, yang diistilahkan di sini sebagai Malayonesia, yang dapat diangkat daripada dua buah batu bersurat dalam bahasa Melayu (bahasa Melayu Sriwijaya dan bahasa Melayu Campa) ialah ciri-ciri kepemimpinan. Dalam prasasti Talang Tuwo bertarikh asalnya 606 Saka (= 684 Masehi) di Palembang sekarang, ada menyatakan ciri-ciri kepemimpinan yang dihayati oleh seorang rajanya bernama Sri Jayanasa. Raja Sri Jayanasa memerintah dengan berpegang kepada dasar sosioekonominya yang bermatlamatkan **subahagia** (dunia dan akhirat) yang berasaskan kepada keperihatinan kepada keperluan asasi manusia pada aras yang terbaik (dari segi kesihatan, keselamatan dunia dan akhirat), keterlestarian alam semesta dan makhluk sarwa alam yang nampak dan ghaib serta mengamalkan jalan tengah (istilah asalnya **waropaya**). (Perinciannya dalam Shahrir 2014, Shahrir & Alinor 2014). Ini adalah jati diri pemimpin Malayonesia yang amat relevan pada masa kini dengan melakukan homomorfisma konsep-konsep Buddhisme itu dengan ajaran Islam seperti kerohanian Buddha dengan kerohanian Islam dan waropaya dengan wusta (*wustdo*). Teori sosio-ekonomi yang bermatlamatkan kebahagiaan, khasnya ekonomi kebahagiaan, baru menjadi bidang ilmu yang diterokai oleh sarjana Barat dengan hebatnya mulai dua dasawarsa yang lepas sambil mencari-cari konsep kebahagiaan yang

ingin ditunjinginya. (Lihat Shaharir 2008). Bagi kita, berasaskan pada Islam, konsep subahagia kita sudah sedia kukuh tetapi memanglah perlu dibina teori berkenaan bagi mewujudkan teori ekonomi subahagia kita sendiri yang mampu menandingi teori Barat yang sedang rancak dibangunkan sejak dua dasawarsa itu.


Prasasti dalam bahasa Campa bertarikh 1010 Saka (bersamaan dengan 1088 M) yang dijumpai di Myson (Vietnam sekarang) pula menghuraikan dengan agak panjang akan sifat-sifat pemimpin sejagat (istilah asalnya *cakeravantin*)/*chakeravantin*) yang disenaraikan memiliki sebanyak 32 sifat. Sifat-sifat ini ada pada raja Campa bernama Yan Po Ku Sri Jaya Indrawarmadewa Muda (mengikut sejarawan nama ini dirujuk sebagai Shri Jaya Indrawarman II atau nama mengikut catatan China, Che-li To-Pan (= Sri Tuan Man?) yang memerintah Campa 960-972 M. Antara sifat itu yang masih relevan dengan sekarang (selain daripada beraura dan berkarisma, dan bersifat seperti raja Sanjaya di atas) ialah **keberpadapadaan atau kewustaan** (istilah asalnya *sanama* dan *paksapata*), **amat patuh kepada ajaran agama dan pensucian jiwa, berilmu terutamanya dalam ketahanan negara** (sosio-ekonopolitik) dan berstrategi. (Perinciannya dalam Shaharir 2010 dan Shaharir & Alinor 2014).

Semua bayangan padanan sifat kepemimpinan Malayonesia pra-Islam di atas dengan acuan Islam memang pun terjelma dalam karya Bukhary al-Jawhari 1603 M berjudul *Taj al-Salatdin* (Tajus Salatin), sebuah karya agung Malayonesia berbahasa Melayu, yang meletakkan sifat-sifat pemimpin unggul itu disimpulkannya sebagai manusia **budiman** yang disamakan dengan *ulil albab* dan manusia **berhemat** (yang disamakan dengan antara lainnya, **berwusta**) yang tentunya mempunyai segala sifat yang ada pada Raja Sri Sanjaya dan Sri Jaya Indrawarmadewa yang disebut di atas, tetapi dalam konteks Islam. (Perinciannya dalam Shaharir dan Alinor 2014).

### **Bangsa berfikiran perpuluhan pertama di dunia**

Seluruh dunia, dimaklumkan bahawa angka kita sekarang ini berasal daripada tamadun Hindu atau Arab (Islam) sehingga Inggeris menamakannya sebagai *Hindu Numerals*, *Hindu-Arabic numerals* atau *Arabic Numerals*. Pendeknya, angka 0, 1, 2, 3,... sekarang ini menjadi sebahagian daripada jati diri bangsa itu, iaitu jati diri bangsa Hindia atau Arab; walaupun

sejarawan sains dan matematik sejak awal abad ke-20 M lebih yakin bahawa konsep bilangan itu sendiri yang tertuanya memangnya dalam bahasa Sanskrit tetapi simbol bilangan, iaitu angka, adalah terawalnya ciptaan sarjana Islam (bukan bangsa Arab) bernama al-Khwarizmi dalam abad ke-9 M. Angka al-Khwarizmi ini tersebar ke Eropah sejak abad ke-11 M dan berubah bentuknya secara evolusinya; manakala di negara-negara Arab angka ini tidak banyak berubah sehingga menjadi angka di negara-negara Arab sekarang. Dalam sejarah sains dan matematik, angka yang berkembang di Eropah itu dinamai *al-Arqam al-Ghubariyah* (diInggeriskan sebagai *Guber/Geber numerals*) manakala yang di negara-negara Arab itu dinamai *al-arqam al-Hindiyah* (diInggeriskan sebagai *Hindu numerals*). Tidaklah diketahui apakah nama kumpulan angka 0,1,2, 3.... sekarang ini dalam bahasa Arab sekarang, walaupun dalam bahasa Inggeris memang agak dominan sekarang angka ini dinamai *Arabic numerals* (yang lebih sesuai diterjemah sebagai angka Muslim bukannya angka Arab).

Pada tahun 1931, seorang pengkaji prasasti Indochina (kemudian juga Asia Tenggara ini), bernama Coedes, mendapati angka  terpahat pada prasasti dalam bahasa Khmer Lama di satu tempat bernama Sambur di Kemboja (oleh itu terkenal dengan nama Prasasti Sambur) dan angka itu mewakili “enam ratus lima” tahun Saka. Angka tersebut mengandungi **simbol kosong** yang berupa titik atau bulatan (tidak jelas) dan angka itu ditulis dalam bentuk angka perpuluhan seperti angka sekarang, iaitu enam itu (simbol paling kiri) mewakili enam puluh puluh (atau enam ratus) dan kosong itu mewakili kosong puluh dan lima itu mewakili lima sa lalu menghasilkan istilah “enam ratus lima” itu. Beliau pun mengisytiharkan bahawa angka kosong tertua di dunia ialah bukan dari Arab atau Hindu tetapi dari Indo-China. Akan tetapi perisytiharannya itu tidak mendapat sambutan umum kerana komuniti ahli sains dan matematik ketika itu sudah berpegang teguh pada kepercayaan bahawa angka perpuluhan berasal daripada “Arab”. Namun, beberapa orang sarjana dalam tahun 1970-an terus menimbulkan semula pendapat Coedes itu tetapi kali ini ada yang menyebut berasal daripada Sumatera. Pada tahun 1998, penulis terpanggil untuk meleraikan ketakpastian ini lalu mengumpul semua prasasti dalam bahasa Melayu yang ada tarikhnya bagi membuktikan benar-tidaknya prasasti Sambur itu seperti yang digembar-gemburkan oleh Coedes dan pengikut-pengikutnya. Agak mengejutkan penulis, apabila didapati Prasasti Kedukan Bukit di Palembang itu juga ada tarikh yang sama dengan prasasti Sambur, dengan angka yang

serupa, dan ada beberapa prasasti lain lagi dalam bahasa Melayu yang ada tarikhnya sehingga dalam abad ke-7 Masihi itu hampirlah lengkap angka kosong hingga sembilan yang terpahat pada prasasti berbahasa Melayu itu; sedangkan prasasti berbahasa Khmer Lama di sekitar abad itu dan ada angka perpuluhannya hanyalah pada Prasasti Sambur itu sahaja. Ini mendorong penulis mengisytiharkan pada 1998 dan 2001 (Shaharir 2000, 2001) tamadun Sriwijaya-lah pencipta angka perpuluhan tertua di dunia, bukannya tamadun Khmer. (Lihat angka kosong, satu hingga sembilan zaman Sriwijaya seperti di bawah ini)



Angka sekarang: 1      2      3      4      5      6      7      8      9  
0

Akan tetapi, itu pun tidak berjaya menukar sikap komuniti ahli sains dan matematik dunia; bahkan pada tahun 2013 seorang sarjana dari Aczel yang berkepercayaan pandangan Coedes itulah yang benar dan beliau mahu memastikan prasasti Sambur itu tidak musnah oleh Khmer Rouge lalu beliau mencarinya semula dan menemuinya, maka diuar-uarkan bahawa angka “kosong tertua” di dunia itu masih ada dalam majalah popular. Ini mencetuskan semula polemik asal usul angka perpuluhan itu. Kerajaan Khmer pun nampaknya menggunakan penemuan semula ini untuk menjadikan prasasti Sambur sebagai ikon Kemboja bagi keperluan pelancongan. Bagi mengukuhkan lagi dakwaan saya di atas, dalam tahun 2015 penulis mendapatkan semua prasasti dalam bahasa Khmer yang ada angka tahunnya. Terbuktilah dengan kukuhnya, bahawa Khmer Lama ada sistem angkanya tersendiri yang bukan sistem perpuluhan. Prasasti Sambur itu satu-satunya yang bertarikh angka perpuluhan! Sekarang dengan penuh yakinnya, bolehlah kita menegaskan sistem angka perpuluhan yang tertua di dunia sehingga kini ialah hasil pemikiran sarjana Malayonesia zaman Sriwijaya. Sudahlah angkanya berasaskan sepuluh, **istilah-istilah bilangan dengan unit-unit berasaskan pepuluhan** sehingga bilion-bilion muncul dalam bahasa Melayu dengan tekalnya dan mendahului bahasa-bahasa lain di dunia (sekurang-kurangnya bahasa-bahasa Eropah). Kita ada puluh, ratus (= sepuluh puluh), ribu (=sepuluh ratus) sejak abad ke-4 M, dan kita ada laksa/laksyaya/taman (=sepuluh ribu) sejak abad ke-7 M, kita ada keti/kot (=seratus ribu=sepuluh laksa), kita ada juta (seribu ribu= sepuluh keti) sejak abad ke-15 M, kita ada (mengikut prasasti Campa selambat-lambatnya sejak abad ke-17 M istilah *koc* atau

*tik* (= sepuluh juta), dan seterusnya *haval* (= seratus juta= sepuluh koc/tik) dan akhirnya sampailah pada *sa pluh haval* (sepuluh haval=seribu juta) lalu sepatutnya dicipta unit bilangan Campa yang baharu tetapi ternyata tiada (tidak dijumpai) sehingga sampai pada *sa ribau haval* (seribu haval) baharulah dijumpai unit baharunya yang diistilahkan sebagai *kotchai* (=seratus ribu juta= seketi juta=seratus bilion). Kemudian pada akhir abad ke-19, sudah ada istilah bilangan yang besar-besar, zilion (ribuan juta, yang setiap satunya beraskan ribuan=perpuluhan juga, iaitu selepas bermula dengan sepuluh haval dahulu), iaitu bilion (= sepuluh haval=seribu juta), trilion (=seribu bilion), katerlion (=seribu trilion), sankalion (=seribu katerlion), sisilion (=seribu sankilion), sitalion (=seribu sisilion), witalion (=seribu sitalion), nukalion (=seribu witalion), dan wisyilion (=seribu nukalion) ciptaan sarjana berbahasa Melayu yang tercatat dalam buku matematik karya Ahmad Khatib al-Mankabawi pada 1895. Banyaklah istilah bilangan dalam bahasa Melayu itu mendahului kewujudan istilah-istilah sepadannya dalam bahasa Inggeris (perinciannya dalam Shahrir 2014).

Jelaslah **pemikiran perpuluhan adalah pencapaian cendekiawan bangsa Malayonesia berbahasa Melayu.**

### **Bangsa berkonsepkan keadilan *fara'idh* yang bitara**


Selain daripada Tamadun Islam, tamadun Malayonesia berbahasa Melayu memulakan matematik pecahan yang agak komprehensif yang bertujuan mengamalkan hukum *fara'idh*. Belumlah lagi diketahui sejauh mana matematik dalam bahasa Melayu berupa salinan sepenuhnya atau perluasan matematik *fara'idh* Tamadun Islam. 'Abd al-Ra'uf Singkel (Abdul Rauf Singkel) adalah sarjana berbahasa Melayu pertama membicarakan hal ini dalam karyanya *Mir'aht al-Tdulab* tahun 1643 M ketika Eropah (khususnya Inggeris) masih gelap dengan matematik. Sekali gus konsep keadilan dalam kebudayaan Malayonesia telah berubah daripada pembahagian atau pengagihan sesuatu benda dengan pemikiran mudah, purata, kepada yang jauh lebih kompleks. Ini mengubah jati diri bangsa Malayonesia. Jati diri ini nampaknya semakin terhakis atau diabaikan sejak abad ke-19 M akibat silibus matematik kita pun sudah lama menyingkirkan isu ini di samping menularnya konsep kesamaan lapuan/gender Barat yang semakin meningkat di kalangan Muslim. Penyingkiran ini perlu dihentikan dengan memasukkan pengiraan *fara'idh* ke dalam kurikulum matematik sekolah.

### **Kosmologi**

Kosmologi Malayonesia dalam bahasa Melayu cukup bitara mulai abad ke-16 M dan berkembang hebat dalam abad ke-17 M dengan teori kejadian alam semesta (teori Nur Muhammad dan martabat kejadian) dan tabii multialam (jutaan alam). Sebuah karya ilmu ini yang agak komprehensif dan masih relevan hingga kini ialah “*Kejadian Tujuh Petala Langit dan Tujuh Petala Bumi*” (atau judul arabnya *Bada’ fi Khalq al-Samawat wa al-Ardh*) oleh Nur al-Dyn al-Ranyry (Nuruddin al-Raniri) dalam tahun 1639 M (ada di perpustakaan Negara Malaysia, Ms 781(1)). Di dalam karya ini dihuraikan teori Nur Muhammad dan Martabat Tujuh yang mekanisme daripada satu martabat ke satu martabat itu bukanlah evolusi tetapi Tilik Mahabbah Allah dan kejadian segala makhluk di alam semesta ini tidaklah juga serasi dengan Teori Evolusi seperti haiwan wujud dahulu daripada tumbuhan. Teori Nur Muhamad dan Martabat Tujuh ini, jika dikembangkan lagi, nampaknya berpotensi menjadi alternatif yang berdaya saing dengan Teori Kejadian alam semesta sains Barat kini dan Teori Evolusi Darwinian kini. Martabat pertama kejadian alam semesta ini, dinamai *Nur Ahadiyah*, bermula daripada ‘*adm* (tiada apa, gohong atau hampa) tidak seperti teori kosmologi moden yang dikatakan bermula daripada vakum bertenaga dan meledak besar dinamai “Deguman Besar” itu.

Tataletak objek di langit dalam karya ini juga cukup berbeza dengan teori kosmologi Barat kini, iaitu mengikut karya al-Ranyry alam semesta ini berpusatkan objek yang dinamai Jabal Qaf (Bukit Qaf) sedangkan teori kosmolgi moden ini tiadalah pusat alam semesta ini. Jabal Qaf ini dikelilingi oleh tujuh petala alam dan setiap petala itu ada 4.9 bilion alam kecil (yang setiap alam kecil itu ada bintang dan planetnya tersendiri) sehingga keseluruhannya berjumlah 343 trilion alam kecil (yang jauh lebih kecil daripada bilangan alam kecil mengikut kosmologi Barat kini yang berjumlah 200 sitalion/pentarijuta (=sekstilion dalam Inggeris-Perancis, *sextillion*), walaupun jika dikira lagi pernyataan al-Ranyry, “di belakang setiap alam seperti bumi itu ada 70 ribu alam lagi”. Alam kita yang ada matahari ini berada di petala pertama daripada petala-petala di sekeliling Jabal Qaf itu. Model alam semesta ini digambarkan di bawah ini. Apa pun **konsep banyak alam adalah satu daripada ilmu Malayonesia yang jauh lebih awal daripada konsep banyak alam dalam kosmologi Barat, dan oleh itu konsep banyak alam adalah satu daripada jati diri ilmu Malayonesia**. Satu daripada sebabnya konsep banyak alam kini dianggap konsep Barat ialah kerana terjemahan atau tafsiran ‘*aalamynn* dalam *al-Qur’an* tidak diterjemah/ditafsir kepada

“banyak alam” seperti yang diutarakan oleh al-Ranyry itu sejak terjemahan *al-Qur’an* pertama dalam bahasa Melayu yang dibuat oleh ‘Abd al-Rauf Singkel pada 1692 M.



JQ = *Jabal Qaf* (Bukit Qaf)

$L_j$ ,  $j = 1, 2, \dots, n, \dots, 7$ , ialah petala ke- $j$  bagi alam semesta ini

BK = *Bumi Kita* dengan segala bulan-bintang dan planetnya

$BL_j$  = *Seperti Bumi Kita yang ke- $j$  dengan sistem bulan-bintangnya sendiri*. Ada 70 ribu bak- $BL_n$  bagi setiap  $L_n$  dan 70 ribu bak-BK dalam petala  $L_1$ ; bagi setiap bak- $BL_n$  dan bak-BK, ada lagi 70 ribu alam di sebaliknya (“di belakangnya”).

### Perubatan

Ada beberapa buah manuskrip sejak abad ke-16 M dan rakaman Bontius abad ke-17 M yang membuktikan **perubatan Malayonesia pada abad tersebut mengatasi perubatan di Eropah**. Rakaman perubatan Malayonesia dalam bahasa Melayu yang tertua setakat ini ialah karya Syaykh/Sheikh Shafiyuddin al-‘Abbasi (tiba di Fatdny/Fathani tahun 802 H/1400 M)



*Sia-Sia Berguna* yang disalin oleh Syaykh ‘Abd al-Qadyr bin Mustdafa al-Fatdany/Sheikh Abdul Qadir bin Mushthafa al-Fathani (tanpa tarikh, tetapi dijangka pertengahan abad ke-19 M (Mengikut Wan Mohd Shaghir 2012), naskhah asalnya hilang. Manuskrip ini ada dua versi salinannya di Perpustakaan Negara Malaysia (satunya setebal 76 pipi bertarikh 1351 H atau 1932 M tetapi yang satu lagi bertarikh 1230 H atau 1814 M hanya setebal 35 pipi sahaja, Mss927a,b). Manuskrip perubatan jenis ini yang ditulis pada 1795 M (bertarikh tertua setakat ini) berjudul “*Tib dan Azimat*” berkod Mss 1073 (di Perpustakaan Negara Malaysia), menyatakan karyanya diambil dari seorang “bomoh besar” bernama ‘Abd al-Rahman. Perubatan Malayonesia dalam kedua-dua manuskrip tersebut memanglah bitara Malayonesia, iaitu **gabungan perubatan berasaskan flora-fauna (bukan herba sahaja) dan metafizik (rohani dan keagamaan)**. Perubatan ini kemudiannya dikenali sebagai *mujarabat* dengan manuskrip terkenalnya ialah *Mujarabat Melayu* susunan Ahmad al-Dyr bin al-Shafi‘yo pada 1300 H (=1882 M) yang berbeza daripada perubatan Melayu kemudiannya yang dikenali sebagai *tdib* (tib) yang biasanya tiada atau kurang unsur metafiziknya seperti (mengikut Wan Mohd Shaghir 2008) dalam karya Syaykh Ahmad al-Fatdany/Sheikh Ahmad al-Fathani/al-Fatani *Tdayyib al-Ihsan fi Tdib al-Insan/Thaiyib al-Ihsan fi Thibb al-Insan* pada 1312 H / 1894 M (memang dalam bahasa Melayu).

Mengikut Wan Mohd Saghir (2007), pemilik kitab salinan *Sia-Sia Berguna* itu terdiri daripada:

- i) penggunaan beberapa jenis yang berasal daripada organ binatang seperti: tulang, kulit, darah, daging, hati, hempedu, dan lain-lain;
- ii) penggunaan beberapa jenis tumbuh-tumbuhan, yang digunakan ialah: akar, daun, kulit, batang dan lain-lain; dan
- iii) penggunaan ayat-ayat *al-Qur’an*, doa-doa, azimat/wafaq, jampi-jampi Melayu, dan lain-lain yang sejenisnya.

Dalam *mujarabat* itu sarat dengan *wafaq*, azimat, tangkal dan bacaan ayat-ayat *al-Qur’an* (yang diistilahkan sebagai *tdib nabawy*); dan banyak membicarakan perubatan kekelaminan (kelemahan berjimak, senggama dsbnya), pemikatan wanita-lelaki, dan seksologi amnya. Buku *Mujarabat Melayu* (setebal 96 pipi itu) ada perihal kekelaminan dsbnya ini hampir setiap pipi selepas pipi 15, iaitu ada sedikit-sebanyaknya di pipi 16, 21, 26, 30, dan 33, 38,

45-59, 61-63, 65, 70-74, 76,79, 80,85-90 (iaitu ada sedikit-sebanyaknya di 35 pipi), yang dicampurkan dengan “perubatan lain” tetapi hampir semuanya melibatkan *wafaq* dan azimat. Seperti jugalah dengan manuskrip perubatan Melayu yang lain, dalam manuskrip Mujaarabat Melayu ini ada beberapa haiwan/tumbuhan perubatan yang tidak dapat dikenali (tiada dlm. kamus muktabar Melayu Malaysia/Indonesia/Brunei), iaitu cabai jawa, damar mata kucing, daun kancing baju, daun kayu emas, jemuju, kayu camar, kematu, kesturi, kulit jambu hutan, dan sena Makkah.

Jacob Bontius, seorang doktor Belanda yang bertugas di Jawa di bawah Syarikat Hindia Timur Belanda beberapa tahun, telah merakamkan perubatan Jawa dalam bukunya berjudul *Tropische Geneeskunde* terbitan di Armsterdam 1630 M yang terbit dalam bahasa Belanda dan kemudiannya diterjemah dalam pelbagai bahasa di Eropah termasuk dalam bahasa Inggeris *The Tropical Medicine* terbitan London dalam tahun 1769 M. Buku ini menyenaraikan puluhan penyakit dan ubatnya daripada flora-fauna (Ada 82 jenis pokok/tumbuhan dan 88 jenis haiwan yang didapatinya menjadi bahan perubatan orang-orang di pulau Jawa dan banyaklah yang tidak diketahui nama tempatannya). Beliaulah yang menyatakan **perubatan di Jawa pada masa itu jauh lebih maju daripada yang ada di Eropah**. Buku ini sudah sepatutnyalah diterjemah ke dalam bahasa Melayu kerana itulah kahazanah tertua Malayonesia yang sudah diantarabangsakan sejak abad ke-17 M dan mewakili jati diri Malayonesia. Kehebatan perubatan Malayonesia tidaklah menghairankan apabila mengenangkan Fakulti Perubatan (*dar al-tdib*, yang disebut dalam Koharuddin 2004) berupa sebuah fakulti di universiti di Aceh abad ke-17 M (bertempat di Masjid Bait al-Rahman sekarang). Bidang perubatan memang telah wujud dalam zaman kerajaan Malayonesia terawal lagi, kerajaan Funan (abad ke-1 M), malah bidang ini dikelaskan sebagai sebuah bidang ilmu Funan itu yang dinamai *gran* (Guillon 1999, dan Alinor 2004, 2005), walaupun kami belum temui sebuah prasasti pun yang merakamkan ilmu perubatan Funan atau Malayonesia pra-Islam amnya. Dalam zaman Sriwijaya, bidang yang kemudiannya dinamai mujaarabat, *tdib* dan perubatan ini dinamai *sikitwidya* (terjemahan harafiahnya, ilmu sakit) seperti yang diperihalkan oleh Tee (2015).

Dalam Prasasti Talang Tuwo 606 S (=684 M) ada dinyatakan dasar kesihatan dan perubatan negara dengan menyebut keperihatinan raja Sriwijaya ketika itu terhadap rakyatnya agar

rakyatnya sentiasa terhindar daripada *wyadhi* (penyakit) dan dua penyakit khusus, iaitu *swapnawighna* (amnesia) dan *ajara* (sakit ketuaan). Dalam Prasasti Kota Kapur 608 S /686 M terdapat senarai penyakit yang biasa dilakukan oleh orang jahat pada zaman tersebut ialah membuat orang sakit atau gila, menggunakan mantera dan racun khasnya upas dan tuba, *saramwat* (sejenis penyakit yang belum diketahui), *tamwat* (diterjemah dalam Inggeris oleh Coedes dan Damais 1992 sebagai *hemp* yang mengikut Winstedt 1957/1966 ialah ganja atau kecubung berulam ganja) dan *kasihan* (diterjemah oleh Coedes dan Damais 1992 sebagai *philtres* yang mengikut Winstedt 1957/1966 ialah ubat guna-guna). Perubatan (*sikitwidya*) pada abad ke-7 M itu, orang Malayonesia khasnya pemerintah yang berbahasa Melayu itu (kerajaan Sriwijaya) amat perihatin kepada penyakit rohani dan jasmani dan tentunya cara penyembuhannya juga secara rohani dan jasmani.

**Jelaslah perubatan Malayonesis ialah perubatan rohani (doa dan mantera, azimat dan tangkal) dan jasmani (flora dan fauna) terhadap penyakit rohani dan jasmani serta wujud agak banyaknya perubatan dalam penyakit “kasih-sayang” dan “tenaga batin” yang juga diubati secara rohani dan jasmani.**

### **Kesimpulan**

Umat Malayonesia yang sejak abad ke-20 M ini terdiri daripada beberapa negara-bangsa berasingan, yang besarnya Indonesia dan Filipina, dan yang terbenam dalam negara-bangsa bukan rumpun Malayonesia lagi seperti Petani/Pattani dan Campa/Cham mempunyai jati diri ilmu yang sama sekurang-kurangnya dalam empat bidang yang telah dihurai di atas, iaitu kepemimpinan, bilangan dan angka, keadilan, kosmologi dan perubatan. Persoalan besarnya, dalam keadaan sekarang ini, jati diri siapakah ilmu-ilmu ini? Bolehkah jati diri berasaskan ilmu ini dikongsi bersama? Dalam makalah ini dibayangkan hasrat penulis akan wujudnya perkongsian jati diri ini yang secara akademiknya diistilahkan secara generiknya sebagai jati diri bangsa Malayonesia.

## Rujukan

- Alinor M.b.A.K. 2004. Dialog peradaban Melayu dianalisis menerusi sebaran kesusasteraan. *Kesturi* (ASASI) 14(1 & 2): 163-177
- . 2005. Kesusasteraan episteologi tamadun Melayu terawal. *Kesturi* (ASASI): 15 (1&2): 71-87
- Aczel A. 2013. How I Rediscovered the Oldest Zero in History. *Discover Magazine*, May 2013: Also available at <http://blogs.discovermagazine.com/crux/2013/05/20/how-i-rediscovered-the-oldest-zero-in-history/#.VgccA5egZMo>
- Bontius J. 1630/1769. *Tropische Geneeskunde* terbitan di Armsterdam 1630 M, diterjemah ke dalam bahasa Inggeris *The Tropical Medicine* terbitan London dalam tahun 1769 M.
- Coèdes, G. 1931. A propos de l'origine des chiffres arabes. *Bulletin of the School of Oriental Studies*, University of London, 6(2): 323-328.
- Coedes G. & Damais L.-C. 1992. *Sriwijaya. History, Religion & Language of an Early Malay Polity*. Kuala Lumpur: MBRAS.
- Guillon E. 1999. *The Mons: A Civilization of Southeast Asia*. (Terj.). Bangkok: The Siam Society.
- Koharuddin M.b.M.B. 2004. Tradisi keilmuan dan pendidikan dalam tamadun Melayu di Nusantara. *Jurnal Kemanusiaan, UTM*. 3: 48-62. Tercapai di [https:// docs.google comreviewer?a=v&q=code](https://docs.google.com/reviewer?a=v&q=code) (21 Mei 2015)
- Mujarabat Melayu* susunan Ahmad al-Dyr bin al-Shafi'yo pada 1300 H (=1882 M). Ada cetakan semula pada 1981 oleh al-Maktabah al-Sha'biyh dan Dar al-Ma'arif, Pulau Pinang.
- Shaharir b.M.Z. 2000. Sistem Angka Melayu sebelum Kedatangan Islam. *Bull. Malaysian Mathematical Society*. 23(1):1-34.
- . 2001. A note on the decimal numerical system. *Humanistic Maths. of Network Journal*. 24:36-42
- . 2008. Ekonomi Pembangunan Lwn Ekonomi Kebahagiaan. *Jawhar. Jurnal Kajian Ketamadunan* Jun/Julai 2008, 5(1):1-45
- . 2010. *Pembinaan Semula Teori Kepemimpinan dan Kepengurusan Rumpun Melayu*. Suntingan ke-2. K.Terengganu: UMT.

- , 2013. The Significance of moderation as a Heritage in the Pre-Islamic and Islamic Malayonesian Leadership. *Katha* (Pusat Dialog Peradaban, UM), 2013, 9:31-41.
- , 2014. Senang-Lenang dan Berlinangnya Pembangunan. Makalah yg dibentangkan di *Seminar Konflik Pembangunan* anjuran PAKSI dan GATERA pada 25 Okt 2014 di Masjid Tarbiah, Kg Banda Dalam, Gombak, K. Lumpur.
- Tee B.C. 2015. Malay classification of Buddhist knowledge . Revisistng Vladimir Braginsky's system of classical Malay literature. Makalah yang dibentangkan di 4<sup>th</sup> *East Asian and South-East Asia Conference on Philosophy of Science*, anjuran Institut Islam Hadhari UKM, ASASI dan ILIM, di ILIM Bandar Baru Bangi, Selangor, 5-6 Nov. 2014. Akan terbit dalam *Kesturi 2015*,
- Wan Mohd Shaghir. 2007. Syeikh Shafiyuddin al-Abbasi Datuk Seri Raja Faqih. Ulama Nusantara. [http://ulama-nusantara.blogspot.my/2007\\_12\\_01\\_archive.html](http://ulama-nusantara.blogspot.my/2007_12_01_archive.html). Juga dalam *Utusan Online*.  
[http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1224&pub=utusan\\_malaysia&sec=Bicara\\_Agama&pg=ba\\_01.htm&arc=hive](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1224&pub=utusan_malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm&arc=hive).
- , 2008. Syeikh Ahmad Al Fathani Dan Ilmu Perubatan. Ada di internet, [http://ulamanusantara.blogspot.my/2008/08/syeikh-ahmad-al-fathani\\_15.html](http://ulamanusantara.blogspot.my/2008/08/syeikh-ahmad-al-fathani_15.html) (15 Okt. 2015)
- , 2012. Karya-karya ulama Patani. Koleksi tulisan Allahyarham Wan Mohd. Shaghir Abdullah. Pendahuluan. Ada juga di internet, <https://ibadurrahman99.wordpress.com/2012/06/26/karya-karya-ulama-patani/> (15 Okt. 2015)
- Winstedt R.O. 1957/1966. *An Unabridged English-Malay Dictionary*. 4<sup>th</sup> ed. K. Lumpur: Merican & Sons Sdn Bhd 1966. Snt. Pertamanya 1957.

Nota:

Makalah yang dibentangkan di *Seminar Kebahasaan MABBIM 2016 di DBP. Pemanfaatan Kearifan Setempat/Lokal sebagai Citra Bangsa*.